



TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO 'SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN FLYOVER
JALAN MEDAN JAYA – JALAN TUN HUSSEIN ONN,
BINTULU, SARAWAK

PADA 27 NOVEMBER 2021 (SABTU)
BINTULU, SARAWAK

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmannirrahim

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT dengan izin dan rahmatNya jua kita dapat bersama – sama di Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Flyover Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu, pada hari ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran YB Dato' Sri Tiong King Sing, Ahli Parlimen Bintulu yang juga Duta Khas Perdana Menteri ke China dan YB Datuk Haji Julaihi bin Haji Narawi, Menteri Muda Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD) Sarawak kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

INISIATIF KERAJAAN BERKAITAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Hadirin sekalian,

4. Suka saya berkongsi bahawa Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan

Flyover Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu ini merupakan Majlis Pecah Tanah bagi projek di bawah peruntukan pembangunan KKR di negeri Sarawak yang ketiga saya rasmikan dalam masa kurang sebulan. Bermula dengan Projek Membina Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) di Lawas pada 30 Oktober 2021, kemudian Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 13 November 2021 dan hari ini bagi projek ini di Bintulu. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan dalam memastikan pembangunan infrastruktur dirasai secara saksama oleh setiap negeri, bahkan setiap daerah di negeri Sarawak.

5. Perkara ini juga selaras dengan iltizam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah.
6. Selain itu, Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) 2021-2025 telah merangka pelan dan strategi untuk menangani isu semasa dan pada masa sama, memulih serta merencanakan semula pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk kemampuan dan kemakmuran jangka panjang. Antara pendekatan baharu RMKe-12 adalah di bawah tema “**Memperkuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti**” di mana fokus utamanya adalah kepada inisiatif menggandakan pertumbuhan negeri kurang membangun termasuklah Sarawak. Kerajaan akan terus

memberi penekanan dalam usaha merapatkan jurang pembangunan antara negeri melalui salah satu elemen terpenting iaitu menambah baik infrastruktur dan ketersambungan di kawasan kurang membangun serta memastikan pembangunan yang lebih seimbang.

LATAR BELAKANG PROJEK YANG DIRASMIKAN

Hadirin sekalian,

7. Projek Pembinaan Flyover Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu, Sarawak, telah diluluskan pada 2015 melalui kajian dan diluluskan secara fizikal pada 2019. Pada 25 Oktober 2019 ia disenaraikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Rolling Plan 4 (2020), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 4 (2020) RMKe-11).
8. Projek ini melibatkan skop pembinaan Flyover empat (4) lorong dua hala mengikut piawaian U5 di Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn. Selain itu skop pembinaan termasuklah kerja menaik taraf Jalan Tun Hussein Onn, daripada empat (4) dan enam (6) lorong dua hala kepada lapan (8) lorong dua hala sepanjang 1.9 km dan menaik taraf Jalan Kidurong enam (6) lorong 2 hala sepanjang 700 m.
9. Projek yang bernilai kos kontrak RM137.7 juta ini akan dimulakan pelaksanaannya pada 3 Disember 2021 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh masa 36 bulan iaitu pada 2 Disember

2024.

10. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan projek ini yang akan memberi manfaat kepada rakyat terutamanya penduduk setempat khususnya pengguna jalan raya di kawasan ini. Antara manfaat yang bakal dinikmati ialah penguraian trafik bagi kawasan sekitar, penjimatan masa perjalanan dan penggunaan jalan raya yang lebih selesa dan selamat. Dengan adanya projek sebegini juga, secara tidak langsung dapat menjana pembangunan sosio ekonomi di Bandar Bintulu dan kawasan sekitarnya serta mewujudkan peluang pekerjaan dan industri baharu.
11. Saya amat berharap khususnya kepada kontraktor yang terpilih untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Pemantauan secara berkala oleh pihak JKR juga adalah sangat penting untuk memastikan kemajuan dan kualiti kerja projek ini berada dalam kawalan. Insya-Allah, setiap tugas yang diamanahkan akan terhasil dengan sempurna sekiranya dilaksanakan dengan penuh rasa tanggung jawab dan nilai integriti yang tinggi.

PENUTUP

12. Akhir kata, saya berharap pembangunan infrastruktur di negara kita akan terus berkembang pesat dan sektor pembinaan terus menjadi penyumbang ekonomi untuk kesejahteraan kita bersama.
13. Dengan lafaz “Bismillahirrahmannirrahim” saya dengan ini merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Flyover Jalan

Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.